

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

NSK 002/HHA 101 Pengantar Seni Halus

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Jawab dengan jelas, tepat dan ringkas.

Perhatikan dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengiringi karya berkenaan. Sila ambil perhatian bahawa maklumat mengenai karya tidak diberi untuk semua karya yang ditayangkan.

Setiap slaid akan ditayangkan selama 7 minit dan akan diulangkayang selama 3 minit lagi selepas semula slaid telah ditayangkan sekali.

Had maksimum penulisan bagi tiap-tiap karya ialah dua [2] muka surat. JANGAN MELEBIHINYA. Kesemua soalan membawa markah yang sama.

Berikut ialah soalan-soalan menurut tayangan slaid.

1. Pelukis: Gaston Lachaise
Tajuk: Perempuan Berdiri
Tahun: 1927
Bahantara: Gangsa Tuangan

Melihat arca ini, apakah fahaman anda tentang wanita?

2. Pelukis: Abdul Latiff Mohisin

Menurut penulis Redza Piyadasa, lukisan Abdul Latiff seperti ini "cuba memperlihatkan kuasa dan tenaga misteri yang terjelma di dalam rentak dan evolusi alam." Adakah anda bersependapat? Kenapa.

.../2

3. Pelukis: Yeoh Jin Leng
Tajuk: Sawah, Dusun, Bukit dan Langit
Tahun: 1963
Bahantara: Cat minyak atas kanvas
Milik: Balai Seni Lukis Negara

Melihat lukisan ini, apakah agaknya yang ingin dinyatakan oleh pelukis tentang pemandangan alam di negara kita?

4. Pelukis: Abdullah Ariff
Tajuk: Sinar Dilereng Rimba
Tahun: 1956
Bahantara: Cat air atas kertas
Milik: Balai Seni Lukis Negara

Berikan satu tafsiran peribadi anda untuk karya ini.

5. Teliti karya yang ditayangkan. Kemudian jelaskan bagaimana garis dan warna digunakan di dalamnya.
6. Pada pendapat anda, bagaimanakah karya ini boleh dianggap sebagai karya seni? Kalau pada anda ianya tidak boleh diiktirafkan sebagai karya seni. Jelaskan kenapa. Pertimbangkan juga bagaimana orang lain boleh menganggapnya sebagai karya seni.

-oooOOoooo-